

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

SOALAN :

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :**

- (a) apakah status perkembangan langkah-langkah penguatkuasaan Kementerian terhadap aktiviti-aktiviti pembalakan haram di peringkat negeri bersama Persekutuan yang melibatkan sindiket-sindiket negara asing dan firma-firma tempatan, serta ; dan
- (b) adakah Kementerian akan bercadang untuk menubuhkan suatu pasukan unit penguatkuasa ala Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) atau Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA) bagi membanteras gejala pembalakan haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah mengambil beberapa langkah penguatkuasaan terhadap akitiviti-aktiviti pembalakan haram di peringkat negeri bersama persekutuan yang melibatkan sindiket-sindiket negara asing dan firma-firma tempatan.

Pada masa ini, Kementerian telah melaksanakan pemantauan kawasan hutan melalui Sistem Forest Monitoring Remote Sensing (FMRS) Plus. Dalam RMKe-11, Kementerian dengan kerjasama United Nation Development Program (UNDP) telah mempertingkatkan fasiliti bagi tujuan penguatkuasaan seperti pembangunan sistem i2based dan Smart Tools. Selain dari itu, Kementerian juga melaksanakan kerjasama dan latihan dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), PERHILITAN, Jabatan Pengangkutan Jalanraya (JPJ), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen Malaysia dan Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) seperti operasi bersepadu yang telah diadakan pada setiap tahun.

Pihak kementerian juga telah menubuhkan pasukan *Centralised Enforcement Team* untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu (NBOS) dan telah membuka pusat kawalan 1NCC (NRE Command Centre) di Cameron Highlands, Pahang.

Di samping itu, kementerian juga mempunyai perancangan untuk menubuhkan *War Room* di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang beroperasi 24 jam bagi tujuan memantau pencerobohan hutan dan menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara lebih sistematik dan efisien.

246

Kementerian sentiasa perihatin dan berusaha mencari kaedah-kaedah baharu bagi menangani dan membanteras gejala pembalakan haram. Pada masa ini telah ditubuhkan satu pasukan penguatkuasaan yang ditempatkan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu JPSM ELITE TEAM atau JET. Pada masa ini, ahli pasukan JET adalah seramai 50 orang yang terdiri daripada kakitangan dipelbagai peringkat persekutuan dan negeri. JPSM juga akan memperkasa pasukan ini dengan menambah keanggotaan seramai 300 ahli bermula tahun 2018.

Pihak kementerian juga telah berusaha melipatgandakan aktiviti penguatkuasaan seperti risikan, rondaan kawasan *hotspot* dan pemantauan udara kawasan berhutan dengan menggunakan helikopter. Disamping itu penggunaan teknologi UAV atau dron digunakan dalam memantau pembalakan haram. Pada masa ini terdapat 46 buah dron digunakan dalam operasi penguatkuasaan dan pemantauan.

Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga telah berusaha memantapkan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan menambah kakitangan penguatkuasaan, penambahan lojistik, mendapatkan kelulusan penggunaan senjata api serta menambah peruntukan untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan dalam membanteras kegiatan pembalakan haram dari terus berlaku.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (498)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

SOALAN :

**YB DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

- a) bagaimana Kerajaan mencapai keseimbangan dengan membawa golongan profesional warga Malaysia kembali dari luar negara dan pada masa yang sama memastikan pekerja profesional di sini masih ada peluang pekerjaan; dan
- b) adakah golongan profesional yang balik ini diinsentifkan untuk memberi latihan (*training*) memandangkan mereka ini adalah profesional yang Kerajaan mendapati amat diperlukan oleh negara.

248

JAWAPAN:-

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Laporan Statistik Utama Berkaitan Tenaga Kerja Malaysia bagi Suku Keempat 2017 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, nisbah tenaga kerja berkemahiran tinggi berbanding keseluruhan tenaga kerja negara sehingga setakat 31 Disember 2017 adalah di tahap 27.2 peratus. Menyedari kepentingan tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk memacu pembangunan negara ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi, Kerajaan telah mensasarkan nisbah tersebut untuk ditingkatkan kepada 35% menjelang tahun 2020. Menurut definisi *International Labour Organisation* (ILO), tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah mereka yang memiliki kelayakan sekurang-kurangnya diploma atau setaraf.

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sebagai sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang telah diberi mandat untuk memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan

berkemahiran tinggi, telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang merangkumi golongan pelajar berpotensi di universiti, graduan berkemahiran tinggi serta para profesional di dalam dan luar negara. Dalam konteks tenaga kerja berkemahiran tinggi, bagi mengurangkan jurang di antara penawaran dan permintaan, TalentCorp telah memperkenalkan inisiatif *Returning Expert Programme* (REP) dengan membawa pulang bakat-bakat berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang yang amat diperlukan negara terutamanya yang telah digariskan di dalam *National Key Economic Areas* (NKEA). Bidang-bidang ini turut dirujuk silang dengan Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) yang menyenaraikan sektor dan bidang pekerjaan yang amat diperlukan oleh negara.

Sehubungan itu, langkah Kerajaan untuk membawa pulang profesional warga Malaysia dari luar negara sebenarnya lebih bersifat melengkapi dan tidak mewujudkan persaingan yang kurang sihat dengan bakat-bakat di dalam negara. Tambahan pula, prinsip yang digariskan semasa membawa pulang bakat-bakat ini adalah untuk memberi penekanan kepada kualiti dan kepakaran yang dimiliki, bukannya kuantiti bakat yang dibawa pulang. Bakat-bakat yang diberi kelulusan ini juga masih perlu mengemukakan bukti bahawa mereka telah ditawarkan pekerjaan

290

sebelum mereka boleh menikmati insentif yang ditawarkan di bawah inisiatif ini.

Sehingga 31 Disember 2017, pihak TalentCorp telah menerima sebanyak 7,218 permohonan di bawah program REP. Daripada jumlah ini, sebanyak 4,540 bakat telah diluluskan dan 2,965 telah pun kembali ke tanahair. Perbezaan di antara bilangan bakat yang diluluskan dan telah kembali ke tanahair di bawah program ini adalah berdasarkan kepada faktor di mana mereka diberi tempoh masa selama dua tahun daripada tarikh kelulusan untuk kembali bekerja di dalam negara. Tiga sektor teratas bagi inisiatif REP adalah sektor minyak dan gas, perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan perniagaan di mana bakat-bakat ini mengisi kekosongan yang amat diperlukan tetapi tidak dapat dipenuhi dengan bakat-bakat sedia ada di dalam negara.

Setakat ini, tiada insentif khusus disediakan untuk para profesional yang pulang di bawah program REP ini untuk berkongsi kepakaran dan memberi latihan kepada modal insan dalam negara. Walau bagaimanapun, TalentCorp telah mengambil langkah strategik dengan memperkenalkan Program Diaspora Perantauan Profesional Malaysia atau lebih dikenali sebagai KNOWMADS untuk memudahcara para

profesional yang kini berada di perantauan untuk memberikan sumbangan dan berkongsi kepakaran melalui pendekatan-pendekatan berikut:

- a. Perkongsian, pertukaran dan pemindahan ilmu pengetahuan, kemahiran, teknologi dan kajian dalam bidang pembelajaran dan pertumbuhan utama negara;
- b. Memudahkan jaringan perhubungan untuk memacu lebih banyak sumbangan dari diaspora;
- c. Mewujudkan ruang perniagaan melalui perkongsian, usaha sama dan peluang pelaburan;
- d. Platform perkongsian hasil kajian dan syor-syor penambahbaikan berkaitan dengan sektor utama ekonomi; dan
- e. Khidmat rundingan profesional dan maklumat dalam bidang kepakaran masing-masing.

Satu contoh peranan yang boleh dimainkan oleh profesional warga Malaysia di luar negara adalah sebagai Profesor Adjung (Adjunct Professor) atau penyelidik jemputan di universiti-universiti di Malaysia.

Selaras dengan perubahan dalam arus mobiliti bakat, inisiatif ini diharapkan dapat memanfaatkan para profesional Malaysia di luar negara dalam pembangunan negara secara langsung dan tidak langsung. Dalam membangunkan ekosistem bakat berkemahiran tinggi Malaysia yang mampan dan berdaya saing, TalentCorp sebenarnya memberikan lebih tumpuan kepada usaha membangunkan bakat-bakat dalam negara. Antara inisiatif-inisiatif TalentCorp yang turut disasarkan kepada bakat-bakat dalam negara adalah seperti berikut:

a) Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)

Inisiatif usahasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menghubungkan graduan cemerlang tajaan JPA dengan peluang pekerjaan dan melunaskan ikatan perjanjian kerajaan;

b) Women's Career Comeback Programme (CCP)

Galakan kepada majikan untuk mengambil kaum wanita kembali menyertai tenaga kerja setelah berehat dari kerjaya;

c) Critical Occupation List (COL)

Kajian tahunan dengan kerjasama Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA), Kementerian Sumber

Manusia bagi membangunkan senarai pekerjaan yang amat diperlukan oleh industri;

d) MyASEAN Internship dan MyAPEC YouthConnect

Program mobiliti bakat di kalangan profesional muda untuk memberi peluang dan pendedahan global di negara-negara ASEAN dan APEC;

e) Nurturing Expert Talent (NEXT)

Penilaian bagi membantu pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kelebihan dan kecenderungan individu. Berdasarkan penilaian-penilaian yang telah dilakukan, pangkalan data bakat akan dibangunkan untuk tujuan analisa di peringkat nasional; dan

f) Talent ProCertification

Insentif potongan cukai berganda kepada para majikan untuk tujuan perbelanjaan latihan.

Menyedari kepentingan pembangunan bakat yang dinamik dalam mendepani kehendak pekerjaan masa hadapan, TalentCorp akan

melipatgandakan usaha melalui kerjasama erat dengan pihak Kerajaan, industri, institusi-institusi pengajian dan bakat-bakat bagi mewujudkan ekosistem modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018

SOALAN (499)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)

SOALAN :-

YB DATO' SRI WEE JECK SENG (TANJONG PIAI) minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan penggunaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) di sektor pembinaan negara ini, dan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal garis panduan atau undang-undang yang lebih ketat bagi mewajibkan pemaju perumahan menggunakan IBS.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-peraturan telah diwujudkan secara khusus untuk melindungi hak dan kepentingan pembeli rumah serta tanggungjawab pemaju untuk menyiapkan sesuatu pemajuan perumahan.

Syarat pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (*Advertising Permit and Developer Licence – APDL*) adalah berdasarkan kepada peruntukan dan keperluan Akta 118. Mana-mana syarat tambahan APDL yang tidak berkaitan dengan keperluan Akta 118 perlu dikaitkan dengan peruntukan perundangan yang boleh dikuatkuasakan oleh akta atau peraturan berkaitan.

Buat masa ini, tiada peruntukan perundangan yang berkuat kuasa bagi mewajibkan penggunaan kaedah Sistem Bangunan Berindustri atau Industrial Building System (IBS) sebagai antara syarat kelulusan APDL.

Bagaimanapun, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mengambil inisiatif menggalakkan pemaju swasta menggunakan kaedah IBS dalam pembinaan projek pemajuan. Perkara tersebut telah dimasukkan dalam Borang Pemakluman Kelulusan APDL Bersyarat melalui *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS).

Cadangan mewajibkan penggunaan IBS khususnya penetapan spesifikasi bahan binaan iaitu diluar lingkup penguatkuasaan Akta 118. Justeru itu, bagi menguatkuasakan penggunaan kaedah IBS sebagai antara syarat wajib untuk pemaju mendapatkan kelulusan APDL di peringkat KPKT, maka syarat tersebut perlu dimasukkan di peringkat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan kelulusan Pelan Bangunan (PB) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, satu peraturan akan diwujudkan oleh pihak berwajib iaitu Kementerian Kerja Raya (KKR) atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk memastikan peruntukan penggunaan IBS tersebut dapat dikuatkuasakan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

358

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

SOALAN : 500

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah penerangan definisi spesifikasi perlakuan "penggunaan telefon bimbit ketika memandu" dalam kesalahan lalu lintas yang boleh mengakibatkan pemetongan mata demerit di bawah sistem demerit AWAS, yang mana adakah penggunaan telefon bimbit pintar bagi menunjukkan arah memandu seperti waze, juga adalah salah di sisi peraturan undang-undang pengangkutan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Kaedah 17A, Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan 1959 telah menetapkan bahawa penggunaan telefon bimbit atau apa apa alat komunikasi lain hendaklah melalui suatu alat tanpa perlu dipegang (*Handsfree*).

Prosedur atau peraturan ini terpakai kepada mana-mana telefon bimbit yang mempunyai aplikasi waze dan apabila digunakan hendaklah mematuhi Kaedah 17A, Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan 1959 iaitu dengan menggunakan alat *handsfree*.

Mana-mana orang yang gagal mematuhi kaedah ini boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan, dan dalam kes sabitan kali kedua atau seterusnya, denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan menggunakan telefon bimbit tanpa alat bebas tangan adalah merupakan salah satu kesalahan berjadual di bawah Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Mata Demerit) 2017. Jumlah mata demerit yang boleh diberikan kepada pemandu bas atau kenderaan barangan ialah 5 mata demerit, manakala kepada pemandu selain daripada bas dan kenderaan barangan ialah sebanyak 3 mata demerit.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATO' SRI WEE JECK SENG**
[TANJONG PIAI]
SOALAN : **501**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan program dan langkah yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar sekolah/IPTA/IPTS

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melaksanakan pelbagai program dan langkah untuk memupuk dan membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar sekolah termasuk institusi pengajian tinggi (IPT). Program dan langkah-langkah yang dilaksanakan adalah selaras dengan Teras Strategik Dasar Sains, Teknologi Dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu menggalak dan memupuk kesedaran sains, teknologi dan inovasi (STI).

Antara program yang dilaksanakan ialah Program Karnival Kreativiti dan Sains4u (Sc4u), PSN SciFest, Kejohanan Raket Kebangsaan, Kimia Ke

Desa, Pertandingan Robot Tempur Malaysia dan *National Science Challenge*. Program-program ini dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama kementerian dan jabatan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan serta badan-badan bukan kerajaan.

Sebagai contoh, Pertandingan Robot Tempur Malaysia yang diadakan setiap tahun bermula 2014. Pertandingan ini telah menarik penyertaan seramai 40 pasukan setiap tahun yang terdiri daripada IPT awam, swasta dan Institut Latihan Perindustrian seluruh Malaysia. Aktiviti berkonsepkan pertandingan ini merupakan antara salah satu elemen pembelajaran sains tidak formal yang dapat mencetus kreativiti di kalangan pelajar.

Selain itu, MOSTI juga menganjurkan Pertandingan *National Science Challenge*. Pertandingan ini merupakan sebuah pertandingan sains yang direka untuk meningkatkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan terhadap kajian sains di kalangan pelajar tingkatan empat. Pada tahun 2017, seramai 11,790 orang pelajar tingkatan empat dari seluruh negara telah menyertai pertandingan ini.

Bagi menyemarakkan lagi aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar sekolah dan IPT, Kementerian ini turut menganjurkan Anugerah Inovasi Negara (AIN). Penganjuran AIN bertujuan mencungkil serta mengiktiraf bakat kreativiti dan hasil inovasi dalam bidang STI. Anugerah ini mensasarkan penyertaan daripada seluruh peringkat masyarakat terutamanya di kalangan pelajar sekolah dan IPT melalui dua kategori utama iaitu Kategori Akar Umbi atau Kategori Sekolah.

262

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun ini, Kementerian akan melaksanakan empat siri program Karnival Negaraku Berinovasi di Sarawak, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk memasyarakatkan, membudaya dan memberi kesedaran mengenai kepentingan STI kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan pelajar sekolah, IPTA dan IPTS.

Kementerian ini akan sentiasa merangka dan melaksanakan program-program pembudayaan STI untuk disertai oleh pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS di seluruh negara dalam usaha bagi menggalakkan pemikiran inovatif dan kreatif dikalangan rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018-2025 sedang dimuktamadkan yang turut melibatkan pelajar-pelajar sekolah bagi memperkasa ekosistem STEM negara melalui penetapan strategi dan pelan tindakan menyeluruh serta bersepadu, dengan pelaksanaannya melibatkan pelbagai peringkat masyarakat dan pemegang taruh.

Usaha-usaha ini secara tidak langsung akan membantu inisiatif Kerajaan untuk menghasilkan tenaga-tenaga mahir dalam sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang amat diperlukan negara pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.